

METODE PENGAJARAN TERBAIK UNTUK GOLONGAN FASIQ (*AL-BAQARAH*, 2: 26-27)*

Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Teknologi Malaysia qamar@utm.my

Abstrak

Perumpamaan yang diturunkan oleh Allah SWT kepada umat manusia dalam al-Quran memberi kesan yang berbeza antara golongan kafir dan golongan Mukmin. Golongan kafir semakin menjauh daripada Allah SWT dan al-Quran sebaliknya pula kepada orang Mukmin semakin mendekat dengan-Nya dan kalam-Nya. Artikel ini merupakan hasil kajian perpustakaan bagi mencari tafsiran ayat surah al-Baqarah (2: 26-27) daripada kitab tafsiran yang bersifat turath Islami. Hasil dapatan menunjukkan beberapa nasihat dan ingatan penting Allah SWT kepada golongan kafir dan Muslim. Kepada golongan kafir, perumpamaan al-Quran menjadikan mereka bertambah sesat kerana tidak mahu memahami sekalipun perumpamaan itu sangat logik kepada akal untuk mengesahkan kebenaran. Kesesatan tersebut pada hakikatnya berpunca daripada kefasikan mereka dalam kekufuran dan keingkaran. Orang kafir juga diingatkan janji mereka ketika di alam arwah dan janji ahli kitab untuk mendokong Nabi Muhammad SAW dan agama-Nya serta tidak memutuskan tali persaudaraan. Kegagalan dalam menepati janji tersebut menyebabkan mereka benar-benar dalam kerugian khususnya ketika berada di alam akhirat yang kekal abadi. Sebaliknya pula bagi Mukmin, hati mereka yang terang disebabkan mereka terjauh daripada kufur dan maksiat memudahkan mereka memahami tafsiran al-Quran serta menambahkan keyakinan dan keimanan mereka kepada Allah SWT. Hasilnya, para Mukmin ini dapat memenuhi janji mereka di alam arwah untuk dilaksanakan

* Artikel ini dibincangkan dalam Ceramah Program Budaya al-Quran Mingguan di Kolej Tun Fatimah, UTM pada 13hb. September 2018 anjuran Masjid Sultan Ismail, Universiti Teknologi Malaysia.

dalam kehidupan sehingga mereka mudah memperoleh rahmat Allah SWT di alam akhirat.

Kata kunci: Perumpamaan, fasiq, perjanjian Allah, dan silaturahim

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحِي أَنْ يَضْرِبَ مَثَلًا مَا بَعْوَذَةً فَمَا فَوْقَهَا فَأَمَّا
 الَّذِينَ ءامَنُوا فَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحُقُّ مِنْ رَبِّهِمْ وَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا
 فَيَقُولُونَ مَاذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهِذَا مَثَلًا يُضُلُّ بِهِ كَثِيرًا وَيَهْدِي
 بِهِ كَثِيرًا وَمَا يُضُلُّ إِلَّا الْفَاسِقِينَ ﴿٢٦﴾ الَّذِينَ يَنْقُضُونَ
 عَهْدَ اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مِيَثَاقِهِ وَيَقْطَعُونَ مَا أَمَرَ اللَّهَ بِهِ أَنْ يُوصَلَ
 وَيُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ أُولَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ ﴿٢٧﴾

Maksud: Sesungguhnya Allah tidak malu membuat perbandingan apa sahaja, (seperti) nyamuk hingga ke suatu yang lebih daripadanya (kerana perbuatan itu ada hikmatnya), iaitu kalau orang yang beriman maka mereka akan mengetahui bahawa perbandingan itu benar dari Tuhan mereka; dan kalau orang kafir pula maka mereka akan berkata: “Apakah maksud Allah membuat perbandingan dengan ini?” (Jawabnya): Tuhan akan menjadikan banyak orang sesat dengan sebab perbandingan itu, dan akan menjadikan banyak orang mendapat petunjuk dengan sebabnya; dan Tuhan tidak akan menjadikan sesat dengan sebab perbandingan itu melainkan orang yang fasiq. (26) (Iaitu) orang yang merombak (mencabuli) perjanjian Allah sesudah diperteguhkannya, dan memutuskan

perkara yang disuruh Allah supaya diperhubungkan, dan mereka pula membuat kerosakan dan bencana di muka bumi. Mereka itu ialah orang yang rugi. (27)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 26-29)

PENGENALAN

Selepas Allah SWT mencabar orang kafir untuk mengatasi kemukjizatan al-Quran dan menakutkan mereka dengan azab neraka terhadap penentangan mereka serta menjanjikan Syurga kepada orang yang beriman (Ibn al-Kathir, 1999: 1/107-112; Jasmi, 2018a), Allah SWT membincangkan semula tentang mengapa Allah SWT membuat perbandingan indah buat orang munafik dan kesan terhadap penerimaan manusia yang dibuat perbandingan (Ibn al-Kathir, 1999: 1/115; Jasmi, 2018b).

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/115) yang memetik kata-kata Imam al-Suddi, ayat ini diturunkan oleh Allah SWT bahawa selepas Allah SWT membuat dua perumpamaan tentang golongan munafik (*al-Baqarah*, 2: 26-27) yang lalu, orang munafik ini berkata, “Allah SWT Maha Tinggi dan Agung untuk membuat perbandingan seperti yang apa yang diturunkan oleh-Nya.” Lalu turunlah ayat *al-Baqarah* (2: 26-27) ini. Terdapat juga pandangan daripada Sayidina Abu Qatadah tentang sebab turunnya ayat ini. Ketika Allah SWT menyebut tentang ‘ankabut (labah-labah) dan *zubab* (lalat), orang kafir musyrik berkata, “Apa pentingnya Allah SWT menyebut tentang labah-labah dan lalat ini. Lalu turunlah ayat *al-Baqarah* (2: 26-29) ini.

Sebagai ingatan bahawa semua terjemahan ayat al-Quran adalah merupakan terjemahan daripada Syeikh Abdullah Basmeih (1999).

TAFSIRAN AYAT

Terdapat dua perkara penting yang melibatkan tafsiran ayat *al-Baqarah* (2: 26-27), iaitu tentang sebab Allah SWT membuat perumpaan

dalam kalam-Nya (al-Baqarah, 2: 26) dan tentang ciri orang yang fasiq dalam (al-Baqarah, 2: 27).

Al-Baqarah (2: 26)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/115) menjelaskan bahawa perumpamaan Allah SWT terhadap mereka menyebabkan mereka memberi respon seolah-olah tidak ada keperluan bagi Allah membuat perbandingan diri mereka dengan membandingkan dengan sesuatu yang remeh temeh. Ungkapan respon golongan munafik ini menyebabkan Allah SWT memberikan penjelasan lanjut tujuan perbandingan dan menggambarkan setiap perbandingan yang diturunkan oleh Allah SWT mempunyai makna yang sangat tinggi dan mendalam lagi sesuai dengan konteks manusia yang menentang Islam. Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحِي أَنْ يَضْرِبَ مَثَلًا مَا بَعُوضَةً فَمَا فَوْقَهَا

Maksud: Sesungguhnya Allah tidak malu membuat perbandingan apa sahaja, (seperti) nyamuk hingga ke suatu yang lebih daripadanya (kerana perbuatan itu ada hikmatnya).

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT tidak malu lagi tidak takut untuk memberikan contoh dan perumpamaan dengan apa sahaja sama ada perbandingan yang dibandingkan itu sesuatu yang besar atau kecil untuk tujuan merendah-rendahkan golongan yang diumpamakan. Seolah-olah ayat ini membawa maksud, “Sesungguhnya Allah SWT tidak malu dan takut untuk membawa contoh antara nyamuk atau apa yang lebih daripada nyamuk.”

Al-Rabi‘ bin Anas yang menafsirkan ayat ini dengan kata-katanya, “Hal ini yang diumpakan oleh Allah SWT tentang manusia yang cintakan dunia ini, iaitu mereka sifatnya seperti sifat nyamuk yang sentiasa laparkan darah. Apabila nyamuk itu dalam kekenyangan, nyamuk itu pun mati. Manusia begitu juga, mereka mencari kesenangan dunia dan menikmati

kesenangan dunia (Al-Tabari, 2001: 555). Sedang mereka menikmatinya, lalu Allah SWT mencabut nyawa mereka. Hal ini sebagaimana firman-Nya:

فَلَمَّا نَسُوا مَا دُكِرُوا بِهِ فَتَحْنَا عَلَيْهِمْ أَبْوَابَ كُلِّ شَيْءٍ حَقَّ
 إِذَا فَرَحُوا بِمَا أَوْتُوا وَلَا يَذَّهَرُ بَعْدَهُ فَإِذَا هُمْ مُبْلِسُونَ ﴿٤٤﴾

Maksud: *Kemudian apabila mereka melupakan apa yang diperingatkan mereka dengannya, Kami bukakan kepada mereka pintu segala kemewahan dan kesenangan, sehingga apabila mereka bergembira dan bersukaria dengan segala nikmat yang diberikan kepada mereka, Kami timpakan mereka secara mengejut (dengan bala bencana yang membina sakar), maka mereka pun berputus asa (dari mendapat sebarang pertolongan).* (44)

(Surah *al-An'am*, 6: 44)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/115)) menjelaskan bahawa maksud ayat “*hingga ke suatu yang lebih daripadanya*” ini membawa dua maksud, iaitu yang pertama apa yang lebih rendah dan lebih kecil daripada nyamuk tersebut. Hal ini sebagaimana yang pernah digunakan oleh hadis nabi seperti berikut (Al-Tirmidhi, 1998: 2320; Ibn Majah, 2009: 4110):

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَوْ كَانَتِ الدُّنْيَا
 تَعْدِلُ عِنْدَ اللَّهِ جَنَاحَ بَعْوضَةٍ مَا سَقَى كَافِرًا مِنْهَا شَرْبَةً مَا عَاءَ.

Maksud: *Sahl bin Sa'd berkata, “Rasulullah SAW bersabda, “Kalaularah dunia ini sama harganya di sisi Allah SWT dengan sekepak nyamuk. Nescaya Allah SWT tidak memberi minum kepada orang kafir walau seteguk air.*

(Al-Tirmidhi dan Ibn Majah)

Al-Mulla Ali al-Qari (2002: 2182) menjelaskan bahawa hadis ini memberi maksud bahawa harga kekayaan dunia semuanya ini di sisi Allah SWT tidak lebih daripada daripada harga sebelah kepak nyamuk. Sekiranya harga sama atau lebih mahal daripada sebelah kepak nyamuk, Allah SWT tidak akan memberi minum walaupun setitik air kepada orang yang kufur kepada-Nya. Oleh kerana tidak ada harga, Allah SWT tidak ambil kisah, berapa banyakpun orang kafir ingin dapatkan dunia ini.

Maksud kedua daripada “*hingga ke suatu yang lebih daripadanya*” ini ialah sesuatu yang lebih besar daripada nyamuk tersebut. Hal ini kerana tidak ada binatang yang lebih hina dan lebih kecil daripada nyamuk. Maksud lebih besar ini pernah digunakan oleh Nabi SAW seperti mana hadis yang diriwayatkan oleh Sayidatina ‘A’ishah RA (Muslim, t.th.: 2572):

«مَا مِنْ مُسْلِمٍ يُشَالِّ شَوْكَةً، فَمَا فَوْقَهَا إِلَّا كُتِبَتْ لَهُ بِهَا
دَرَجَةٌ، وَمُحِيتْ عَنْهُ بِهَا حَطِيَّةٌ»

Maksud: *Tidaklah seorang Muslim tercucuk duri atau sesuatu yang lebih besar, melainkan ditulis untuknya satu darjah dan dihilangkan satu dosa.*

(Muslim)

Oleh itu, Allah SWT berhak untuk memberikan perumpaman atau perbandingan sama ada sesuatu yang sekecil nyamuk atau sesuatu yang lebih besar daripada serangga tersebut. Sebagai contoh Allah SWT pernah membuat perbandingan tentang sifat lemah akal penyembah berhala dengan lemahnya tuhan yang disembah oleh mereka berbanding lalat yang diciptakan oleh Allah SWT. Firman-Nya:

يَأَيُّهَا أَنَّاسٌ ضُرِبَ مَثَلٌ فَأَسْتَمِعُوا لَهُ وَإِنَّ الَّذِينَ
 تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ لَنْ يَخْلُقُوا ذَبَابًا وَلَوْ أَجْتَمَعُوا لَهُ وَ
 وَإِنْ يَسْلُبُهُمُ الْذَّبَابُ شَيْئًا لَا يَسْتَنِقُذُوهُ مِنْهُ ضَعْفٌ
 ﴿٧٣﴾

Maksud: Wahai umat manusia, inilah diberikan satu misal perbandingan, maka dengarlah mengenainya dengan bersungguh-sungguh. Sebenarnya mereka yang kamu seru dan sembah, yang lain dari Allah itu, tidak sekali-kali akan dapat mencipta seekor lalat walau pun mereka berhimpun beramai-ramai untuk membuatnya; dan jika lalat itu mengambil sesuatu dari mereka, mereka tidak dapat mengambilnya balik daripadanya. (Kedua-duanya lemah belaka), lemah yang meminta (dari mendapat hajatnya), dan lemah yang diminta (daripada menunaikannya). (73)

(Surah al-Hajj, 22: 73)

Allah SWT juga pernah menggambarkan kekuatan orang kafir tidak lebih daripada sarang labah-labah dalam firman-Nya:

مَثَلُ الَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ أُولَيَاءَ كَمَثَلِ
 الْعَنَكِبُوتِ اتَّخَذَتْ بَيْتًا وَإِنَّ أَوْهَنَ الْبُيُوتِ
 لَبَيْتُ الْعَنَكِبُوتِ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿٦١﴾

Maksud: Misal bandingan orang yang menjadikan benda yang lain dari Allah sebagai pelindung (yang diharapkan pertolongannya) adalah seperti labah-labah yang membuat sarang (untuk menjadi tempat perlindungannya); padahal sesungguhnya sarang yang paling reput ialah sarang labah-labah, kalaualah mereka orang yang berpengetahuan. (41)

(Surah al-'Ankabut, 29: 41)

Allah SWT juga pernah memberikan perbandingan tentang hamba yang tidak memiliki apa-apa dalam hidup berbanding dengan orang yang merdeka dalam firman-Nya:

ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا عَبْدًا مَمْلُوكًا لَا يَقِدِّرُ عَلَى شَيْءٍ وَمَنْ
 رَزَقْنَاهُ مِنَّا رِزْقًا حَسَنًا فَهُوَ يُنْفِقُ مِنْهُ سِرًا وَجَهْرًا هَلْ
 يَسْتَوِنَ الْحَمْدُ لِلَّهِ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ

(75)

Maksud: Allah memberikan satu misal perbandingan: Seorang hamba abdi yang menjadi milik orang, yang tidak berkuasa melakukan dengan bebasnya sesuatu pun; dan seorang lagi (yang merdeka) yang Kami kurniakan kepadanya pemberian yang baik (harta kekayaan) dari Kami, maka dia pun membelanjakan hartanya dengan bebasnya, sama ada secara bersembunyi atau terbuka, adakah kedua orang itu sama? Segala puji tertentu bagi Allah (dan Allah jualah yang berhak disembah), tetapi kebanyakan mereka (yang musyrik) tidak mengetahui (hakikat tauhid itu). (75)

(Surah al-Nahl, 16: 75)

Dalam ayat yang lain pula Allah SWT membuat perbandingan antara orang yang celik dan buta. Firman-Nya:

وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا رَجُلَيْنِ أَحَدُهُمَا أَكَمُ الْيَقِيرُ عَلَى
 شَيْءٍ وَهُوَ كُلُّ عَلَى مَوْلَاهُ أَيْنَمَا يُوجِّهُ لَا يَأْتِ بِخَيْرٍ هُلْ
 يَسْتَوِي هُوَ وَمَنْ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَهُوَ عَلَى صِرَاطٍ
٢٦ مُسْتَقِيمٍ

Maksud: *Dan Allah memberikan satu misal perbandingan lagi: Dua orang lelaki, salah seorangnya kelu pekak dari semulajadinya, tidak dapat menyatakan apa yang difikirkannya dan tidak dapat mendengar apa yang dikatakan kepadanya; dan ia pula menjadi beban kepada orang yang menjaganya; ke mana sahaja ia diarahkan pergi oleh penjaganya, tak dapatlah dia membawa sesuatu yang berfaedah; adakah dia (yang demikian sifatnya) sama seperti orang (yang boleh berkata-kata serta dapat) menyuruh orang ramai melakukan keadilan, dan ia sendiri pula berada di atas jalan yang lurus (jalan yang benar)?*

(Surah *al-Nahl*, 16: 76)

Semua perumpaan yang digunakan oleh al-Quran mempunyai maksud yang sangat mendalam dan bermakna. Hal ini sebagai mana penegasan Allah SWT sendiri dalam firman-Nya :

وَتَلْكَى الْأَمْثَلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ ﴿٤٣﴾ وَمَا يَعْقِلُهَا إِلَّا
الْعَالَمُونَ

Maksud: *Dan misal perbandingan yang demikian itu Kami kemukakan kepada umat manusia, dan hanya orang yang berilmu yang dapat memahaminya.* (43)

(Surah al-'Ankabut, 29: 43)

Respon orang beriman terhadap tamsilan digambarkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya :

فَأَمَّا الَّذِينَ إِيمَنُوا فَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ

Maksud: *Sesungguhnya Allah tidak malu membuat perbandingan apa sahaja, (seperti) nyamuk hingga ke suatu yang lebih daripadanya (kerana perbuatan itu ada hikmatnya), iaitu kalau orang yang beriman maka mereka akan mengetahui bahawa perbandingan itu benar dari Tuhan mereka.*

Namun situasi ini berbeza dengan orang kafir yang mendengar tamsilan dengan firman-Nya yang seterusnya;

وَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا فَيَقُولُونَ مَاذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهَذَا مَثَلًا

Maksud: *Sesungguhnya Allah tidak malu membuat perbandingan apa sahaja, (seperti) nyamuk hingga ke suatu yang lebih daripadanya (kerana perbuatan itu ada hikmatnya), iaitu kalau orang yang beriman maka mereka akan mengetahui bahawa perbandingan itu benar dari Tuhan mereka; dan kalau orang kafir pula maka mereka akan berkata: "Apakah maksud Allah membuat perbandingan dengan ini?"*

Kata-kata orang kafir yang mempersoalkan misal perbandingan ini juga dinyatakan oleh Allah SWT dalam firman-Nya yang lain:

وَلَا يَرَبَّ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ وَالْمُؤْمِنُونَ وَلَيَقُولَ الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ
 مَرَضٌ وَالْكَافِرُونَ مَاذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهَذَا مَثَلًا كَذَلِكَ يُضِلُ اللَّهُ مَنْ
 يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَمَا يَعْلَمُ جُهُودُ رِبِّكَ إِلَّا هُوَ وَمَا هُوَ إِلَّا

 ذِكْرِي لِلْبَشَرِ

Maksud: *Dan juga supaya orang yang diberi Kitab dan orang yang beriman itu tidak ragu-ragu (tentang kebenaran keterangan itu); dan (sebaliknya) supaya orang (munafik) yang ada penyakit (ragu-ragu) dalam hatinya dan orang kafir berkata: "Apakah yang di maksudkan oleh Allah dengan menyebutkan bilangan ganjil ini?" Demikianlah Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya), dan memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya); dan tiada yang mengetahui tentera Tuhanmu melainkan Dia lah sahaja. Dan (ingatlah, segala yang diterangkan berkenaan dengan) neraka itu tidak lain hanyalah menjadi peringatan bagi manusia.* (31)

(Surah al-Muddaththir, 74: 31)

Kenyataan tamsilan Allah SWT bagi orang kafir akan menambahkan kesesatan mereka disahkan lagi oleh Allah dengan firman-Nya dalam ayat perbincangan:

يُضِلُّ بِهِ كَثِيرًا وَيَهْدِي بِهِ كَثِيرًا وَمَا يُضِلُّ بِهِ
 إِلَّا الْفَسِيقِينَ 

Maksud: (*Jawabnya*): Tuhan akan menjadikan banyak orang sesat dengan sebab perbandingan itu, dan akan menjadikan banyak orang mendapat petunjuk dengan sebabnya; dan Tuhan tidak akan menjadikan sesat dengan sebab perbandingan itu melainkan orang yang fasiq.

Ibn ‘Abbas RA berkata bahawa tamsilan yang dikemukakan oleh Allah SWT banyak menyesatkan banyak orang adalah merujuk kepada golongan munafik sebaliknya pula memberi banyak pertunjuk adalah merujuk kepada para Mukmin. Orang yang sesat bertambah sesat disebabkan mereka membohongi diri mereka sendiri terhadap pengetahuan mereka tentang kebenaran yang meyakinkan daripada tamsilan yang ditamsilkan oleh Allah SWT. Sebaliknya pula orang sudah mendapat hidayah semakin mendapat pertunjuk daripada tamsilan tersebut serta semakin bertambah iman mereka dengan tamsilan tersebut. Seterusnya Allah SWT menegas bahawa tamsilan yang menyesatkan golongan munafik dan kafir tidak lain melainkan disebabkan mereka tergolong dalam golongan orang yang fasiq.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/118) menjelaskan mengenai pengertian fasiq pada bahasa sebagai keluar daripada ketaatan. Asal kata akar fasiq daripada fasaqa (فسق), iaitu terlepas daripada sesuatu (yang membawa kepada rosak). Justeru, apabila orang Arab mengatakan: فَسَقَتِ الرَّطْبَةُ من قُشْرِهَا ayat ini membawa makna keluar atau tanggal buah tamar itu daripada kulitnya. Sebab itu orang Arab pernah berkata tentang tikus: الفَارُ فُوقَيْفَةً yang membawa maksud, "Tikus adalah binatang perosak" kerana tikus tersebut keluar daripada sarangnya untuk membuat kerosakan. Makna fasiq ini pada maksud kata akar perosak pernah digunakan oleh Rasulullah SAW dalam satu hadis (Al-Bukhari, 2001: 3314; Muslim, t.th.: 1198):

عَنْ عَائِشَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ: "خَمْسٌ فَوَاسِقُ، يُؤْتَلُنَ فِي الْحَلَّ وَالْحَرَمَ: الْحَيَّةُ، وَالْغُرَابُ الْأَبْقَعُ، وَالْفَارَّةُ، وَالْكَلْبُ الْعَقُورُ، وَالْحَدَّيَّا".

Maksud: *A'ishah RA menceritakan bahawa Nabi SAW bersabda, “Lima jenis binatang perosak, harus dibunuh sama ada di kawasan yang halal atau haram, iaitu ular, gagak, tikus, anjing gila, dan kala jengking.”*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Sedangkan sifat orang fasiq merangkumi orang kafir dan orang yang melakukan maksiat, dan kefasiqan orang kafir lebih teruk dan lebih terkeji. Namun begitu fasiq dalam perbincangan tafsir ayat ini merujuk kepada orang kafir yang fasiq dan bukan orang Islam yang fasiq. Hal ini kerana berkait dengan keterangan ayat yang akan dibincangkan dalam tafsir al-Baqarah (2: 27).

Al-Baqarah (2: 27)

Allah SWT menghuraikan perkataan orang yang fasiq dalam ayat yang lalu al-Baqarah (2: 27) dengan ayat ini melalui firman-Nya:

الَّذِينَ يَنْقُضُونَ عَهْدَ اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مِيقَاتِهِ

Maksud: (Iaitu) orang yang merombak (mencabuli) perjanjian Allah sesudah diperteguhkannya.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/118) menjelaskan bahawa ayat ini merupakan sifat orang kafir yang fasiq yang juga pernah dinyatakan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَالَّذِينَ يَنْقُضُونَ عَهْدَ اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مِيقَاتِهِ وَيَقْطَعُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوصَلَ وَيُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ أُولَئِكَ لَهُمُ الْأَعْنَةُ وَلَهُمْ سُوءُ الدَّارِ ﴿٤٥﴾

Maksud *Dan (sebaliknya) orang yang merombak (mencabuli) perjanjian Allah sesudah diperteguhkannya dan memutuskan perkara yang disuruh oleh Allah supaya dihubungkan, serta mereka pula membuat kerosakan dan bencana di muka bumi, - mereka itu beroleh laknat, dan mereka pula beroleh balasan hari akhirat yang seburuk-buruknya.* (25)

(Surah *al-Ra'd*, 13: 20-25)

Sifat melanggar perjanjian ini sangat berlawanan dengan sifat Mukmin yang ada dijelaskan oleh Allah SWT:

الَّذِينَ يُوفُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَلَا يَنْقُضُونَ الْمِيَقَاتَ ﴿٢٠﴾

Maksud: *orang yang menyempurnakan perjanjian Allah dan tidak merombak (mencabuli) perjanjian yang diperteguhkan itu; - (20)*

(Surah *al-Ra'd*, 13: 20)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/118) menjelaskan bahawa ahli tafsir menafsirkan beberapa bentuk tafsiran terhadap maksud ‘perjanjian Allah SWT’ yang dicabuli dan siapakah manusia tersebut sehingga mereka tergolong dalam golongan orang yang fasiq ini, iaitu pertama merujuk kepada semua manusia. Perjanjiannya ialah wasiat Allah kepada makhluk-Nya, perintah yang diperintahkan untuk ditaati, larangan

yang diperintahkan untuk dijauhi yang terdapat dalam kitab yang diwahyukan atau daripada ucapan para Rasul. Lalu mereka mencabuli perjanjian ini dengan meninggalkan daripada beramal dengan perjanjian tersebut.

Pendapat kedua pula yang dipilih oleh Imam Ibn Jarir Al-Tabari (2001) sebagai golongan ahli kitab dan orang munafik. Manakala perjanjiannya ialah untuk berpegang kepada Kitab Taurat dan beramal dengan suruhan kitab tersebut khususnya dalam suruhan mengikuti Nabi Muhammad SAW apabila diutuskan kepada mereka dengan membenarkan syariat agamanya, serta mengakui bahawa syariat tersebut sememangnya datang daripada Allah SWT. Namun mereka mencabuli perjanjian tersebut dengan tetap berdegil sekalipun sudah mengetahui hakikat kedatangan Nabi Muhammad SAW dan ajarannya. Bahkan mereka mengikari, menentang, dan menyembunyikan kebenaran tersebut daripada manusia dan para pengikut mereka.

Pendapat ketiga pula merujuk kepada semua orang kafir, para musyrik, dan para munafik. Perjanjian Allah SWT dengan mereka dalam bentuk mentauhidkan Allah SWT sebagai satu-satunya Tuhan Pemilik dan Pentadbir alam, berpegang tenguh kepada suruhan dan larangan-Nya, membenarkan kebenaran kemukjizatan al-Quran dan pembawanya sekiranya mereka gagal untuk menghasilkan satu surah seperti surah al-Quran. Namun semua golongan ini mencabuli perjanjian mereka dengan tetap mensekutukan Allah SWT, melanggar perintah-Nya, melakukan larangan-Nya, mendustakan al-Quran dan Nabi Muhammad sekalipun mereka mengetahui bahawa apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dan al-Quran merupakan sesuatu yang hak. Imam al-Zamakhshari cenderung dengan pandangan ini dengan beliau membawakan dalil daripada ayat yang lain yang melambangkan bahawa sememangnya ada perjanjian dilakukan oleh Allah SWT kepada manusia dari segi mentauhidkan Allah SWT dan menurut perintah dan menjauhi laranganya. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT:

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذِرِّيَّتَهُمْ وَأَشَهَدُهُمْ
 عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَّا سُلْطُونَ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَنْ تَقُولُوا يَوْمَ
 الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ ﴿١٧٢﴾

Maksud: *Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Ia bertanya dengan firmanNya): "Bukankah Aku tuhan kamu?" Mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi." Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya kami adalah larai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini."* (172)

(Surah *al-A'raf*, 7: 172)

Apa yang dicabuli oleh mereka ialah dari segi tidak memenuhi janji mereka sebagaimana yang mereka sudah perakukan penjanjian (Ibn al-Kathir, 1999: 1/119).

Abu Ja'far al-Razi dalam menjelaskan tafsiran al-Baqarah (2: 27) menyatakan bahawa ada enam sifat yang ada kepada orang munafik, iaitu jika mereka bercakap, mereka berdusta; jika mereka berjanji, mereka memungkirnya; jika mereka diberi amanah, mereka mengkhinatinya; Allah SWT memerintahkan mereka untuk menghubungkan silaturahim, mereka mereka memutuskannya; Allah SWT memerintahkan membuat kebaikan di muka bumi, mereka membuat kerosakan tersebut.

Setelah itu, lanjutan sifat orang munafiq berikutnya pula disambung oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَيَقْطَعُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوصَلَ وَيُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ
 أُولَئِكَ هُمُ الْخَسِرُونَ ﴿٢٧﴾

Maksud: (Iaitu) orang yang merombak (mencabuli) perjanjian Allah sesudah diperteguhkannya, dan memutuskan perkara yang disuruh Allah supaya diperhubungkan, dan mereka pula membuat kerosakan dan bencana di muka bumi.

Sifat kedua ini juga berbeza dengan sifat orang Mukmin sebagaimana firman-Nya:

وَالَّذِينَ يَصِلُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوصَلَ وَيَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ
 وَيَخَافُونَ سُوءَ الْحِسَابِ ﴿٢١﴾

Maksud Dan orang yang menghubungkan perkara yang disuruh oleh Allah supaya dihubungkan, dan yang menaruh bimbang akan kemurkaan Tuhan mereka, serta takut kepada kesukaran yang akan dihadapi semasa soaljawab dan hitungan amal (pada hari kiamat). (21)

(Surah *al-Ra'd*, 13: 21)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/119) maksud ayat “*dan orang yang menghubungkan perkara yang disuruh oleh Allah supaya dihubungkan*” adalah merujuk kepada hubungan silaturahim dan kerabat. Kenyataan ini bertepatan juga dengan firman Allah SWT:

فَهَلْ عَسَيْتُمْ إِن تَوَلَّتُمْ أَنْ تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ وَتُقْطِعُوا

أَرْحَامَكُمْ

Maksud: (*Kalau kamu tidak mematuhi perintah) maka tidakkah kamu harus dibimbang dan dikhawatirkan - jika kamu dapat memegang kuasa - kamu akan melakukan kerosakan di muka bumi, dan memutuskan hubungan silaturrahim dengan kaum kerabat?* (22)

(Surah Muhammad, 47: 22)

Namun bagi Imam Ibn (Al-Tabari, 2001), ayat ini sebenarnya terangkum kepada semua perintah Allah SWT yang disuruh untuk dihubung dan dilaksanakan. Namun mereka memutuskannya dan meninggalkannya. Kedua-dua perbuatan, iaitu mengkhinati janji dan memutuskan silaturahim pada sisi Allah SWT merupakan perbuatan yang merugikan. Firman-Nya:

أُولَئِكَ هُمُ الْخَسِيرُونَ

Maksud: *Mereka itu ialah orang yang rugi.*

Imam Maqatil menjelaskan maksud rugi di sini dengan makna yang sama dalam firman Allah SWT, iaitu:

أُولَئِكَ لَهُمُ اللَّعْنَةُ وَلَهُمْ سُوءُ الدَّارٍ

Maksud: *mereka itu beroleh laknat, dan mereka pula beroleh balasan hari akhirat yang seburuk-buruknya. (25)*

(Surah *al-Ra'd*, 13: 25)

Kerugian yang ditanggung berupa laknat daripada Allah SWT dan azab di alam akhirat.

Ibn 'Abbas berkata, "Sekiranya Allah SWT menisbahkan sesuatu kata nama kepada golongan bukan Islam seperti perkataan khasir (خسیر), maka itu bermakna dosa kufur. Sebalinya pula, sekiranya Allah SWT menisbahkan sesuatu kepada umat Islam seperti perkataan khasir tersebut, maka itu bermakna dosa.

Imam Al-Tabari (2001) pula berkata bahawa al-khasirun adalah perkataan jamak daripada khasir yang bermakna kurang keuntungan diri kerana melakukan kemaksiatan terhadap Allah SWT sehingga tidak mendapat rahmat sebagai mana seseorang yang rugi dalam perniagaannya, iaitu bukan sahaja tidak mendapat keuntungan tetapi sehingga hilang modal yang dilaburkan dalam perniagaannya. Keadaan itulah yang berlaku kepada golongan munafik dan kafir yang rugi kerana diharamkan oleh Allah SWT diri mereka daripada mendapat rahmat yang sememangnya Allah SWT ciptakan rahmat tersebut untuk para hamba-Nya pada hari kiamat. Pada ketika itu semua para hamba amat perlukan rahmat Allah SWT tersebut.

PENGAJARAN AYAT

Pengajaran daripada ayat ditujukan buat golongan kafir dan juga pengajaran buat golongan Muslim dan Mukmin. Untuk golongan kafir adalah seperti berikut:

- (1) Orang kafir dituntut untuk mengambil pengajaran daripada misal perumpamaan yang digunakan oleh Allah SWT agar menilai perumpamaan tersebut dengan akal yang sihat dan hati yang bersih untuk mencari kebenaran dalam hidup agar tidak menyelal dengan

ancaman Allah SWT terhadap mereka. Antara bentuk misal perumpamaan yang digunakan oleh Allah SWT untuk dijadikan pengajaran buat orang kafir ialah:

- (a) Perumpamaan nyamuk dan kehidupannya yang sentiasa kelaparan terhadap darah. Apabila sudah kenyang nyamuk itu akan mati. Nyamuk ini sebagai perbandingan orang yang lapar dengan kekayaan dunia dan kemanisannya. Ketika orang kafir ini terbuai dengan kenikmatan dunia, nyawa mereka pun datang dengan tiba-tiba sedangkan mereka tidak bersedia langsung dengan kematian yang datang itu. Selain itu terbukti sudah bahawa dunia ini tidak berharga langsung di sisi Allah SWT untuk diberikan kepada orang kafir agar mereka menikmati sebanyak-banyaknya. Kalau dunia ini berharga di sisi Allah SWT setara atau lebih daripada sebelah kepak nyamuk, nescaya satu teguk airpun Allah SWT akan beri kepada orang kufur kepada-Nya.
- (b) Allah SWT membawakan contoh lalat untuk mencabar agar Tuhan berhala yang disembah oleh orang kafir untuk mencipta lalat tersebut. Lebih sadis lagi, lemah dan tidak berdayanya berhala yang disembah oleh mereka sehingga sekiranya lalat tersebut hinggap menggigit berhala mereka, berhala itu tidak mampu berbuat apa-apa untuk menghalauinya. Hal ini menunjukkan bahawa berhala sememangnya tidak ada kuasa dan orang kafir yang menyembah berhala juga dianggap tidak berakal untuk menyembahnya kerana tidak menggunakan akal mereka terhadap kelakuan sembahannya yang sia-sia.
- (c) Kekuatan orang kafir yang terhebat mana sekalipun yang ada di dunia ini di sisi Allah SWT tidak lebih daripada sarang labah-labah. Seorang tua yang tidak berdayapun boleh menyapu sarang labah-labah tersebut dengan sangat mudah apatah lagi

sekiranya Allah SWT yang menghancurkan sarang labah-labah tersebut. Penderhakaan orang kafir dengan mengumpulkan segala kekuatan mereka untuk melawan Allah SWT yang merupakan Pencipta diri mereka merupakan satu penderhakaan dan perlawanan yang sia-sia. Akhirnya mereka akan kalah dengan dicampakkan ke dalam neraka Allah SWT akibat daripada kekafir dan keingkaran mereka sendiri. Ketika saat ini segala kekuatan dan kekayaan yang dimiliki tidak langsung mampu membantunya selamat daripada azab api neraka.

- (d) Penyembah berhala sebanding dengan seorang hamba yang terikat dan tidak bebas kerana berhala mereka langsung tidak berkuasa untuk memperkenankan segala permintaan mereka. Sedangkan seorang Mukmin yang menyembah Allah SWT sentiasa mendapatkan apa yang mereka pinta untuk digunakan lagi buat berbakti kepada-Nya. Akhirnya, orang kafir dimasukkan ke dalam neraka yang menyebabkan mereka terkurung di dalamnya buat selama-lamanya. Sedang orang Mukmin bebas menikmati nikmat Allah SWT dalam syurga tanpa batasan.
- (e) Orang kafir dibandingkan dengan golongan tuli, iaitu pekak dan bisu akibat daripada gagal menggunakan akal untuk melihat kebenaran tentang hakikat Tuhan yang menciptakan mereka dan gagal melihat syariat diturunkan kepada nabi mampu memberikan mereka peraturan hidup yang baik untuk diri mereka dan orang sekeliling mereka. Kesannya, kehidupan mereka menyusahkan orang lain akibat daripada kehidupan mereka yang tidak ada peraturan dalam hidup. Sedangkan orang Mukmin dibandingkan pula seperti seorang yang boleh melihat, mendengar dan berkata-kata dengan baik sehingga mampu mengenal Tuhan dan dapat melihat segala peraturan yang diturunkan Allah SWT melalui nabi-Nya mampu mensejahterakan mereka dan orang sekeliling mereka. Hal ini

menjadikan mereka hidup dalam peraturan yang menjadikan mereka orang bertanggungjawab kepada diri dan orang sekelilingnya.

- (2) Orang kafir dituntut untuk menimba pengetahuan untuk mengkaji dan memahami secara mendalam setiap tamsilan yang digunakan oleh Allah SWT kepada mereka.
- (3) Orang kafir perlu menyedari bahawa tindakan mereka memandang remeh misal dan perbandingan yang dimisalkan oleh Allah SWT terhadap mereka sememangnya sudah diketahui oleh-Nya. Mereka bertindak begitu kerana hati mereka sudah gelap dan mati daripada melihat kebenaran kesan daripada kefasikan mereka kerana kekufuran dan kemaksiatan yang dilakukan oleh mereka setiap hari. Akibatnya mereka gagal untuk melihat kebenaran daripada tamsilan tersebut adalah sesuatu yang hak dan merupakan realiti sebenar hakikat alam ini dan alam selepas kematian. Hal ini menyebabkan mereka semakin menjauh daripada Allah SWT, al-Quran, serta Islam dan syariat-Nya.
- (4) Ahli Kitab daripada kalangan Yahudi dan Nasrani, serta orang munafik dimaklumkan tentang perjanjian yang yang mereka tandatangani atau persetujui dengan Allah SWT melalui nabi yang diturukan kitab khususnya kepada ahli Kitab sebelum al-Quran bahawa mereka akan menyokong Rasul yang terakhir dan mendokong syariatnya, serta beriman dengannya. Namun, mereka sebaliknya menjadi penentang kepada syariat Nabi Muhammad SAW dan para pengikutnya, serta amat jauh untuk beriman kepadanya.
- (5) Orang kafir diingatkan oleh Allah SWT tentang janji mereka dengan Allah SWT ketika dalam sulbi ibu bapa sedangkan mereka masih berada di alam arwah untuk mereka untuk terus mentauhidkan Allah SWT selaku Tuhan yang menciptakan mereka, beriman

kepada nabi dan kitab yang dibawa oleh para nabi, menghubungkan silaturahim, tidak membuat kerosakan dengan mentaati perintah-Nya, menjauhi larangan-Nya, mengikut syariat yang diturunkan kepada mereka oleh Allah SWT. Namun setelah mereka dilahirkan ke dunia, mereka memungkiri janji tersebut bahkan melupakan janji mereka tersebut dengan menyekutukan Allah SWT, tidak beriman kepada Nabi dan Kitab yang diturunkan oleh Allah SWT, memutuskan silaturahim dan membuat kerosakan di muka bumi dengan melanggar perintaha-Nya, melakukan larangan-Nya, serta tidak langsung mahu mengikut syariat-Nya. Justeru, jika Allah SWT mengazab mereka di dalam neraka pada hari kiamat nanti dengan sebab kegagalan mereka menenuhi janji tersebut, mereka tidak boleh lagi menyalahkan Allah SWT sama sekali.

- (6) Orang kafir diingatkan oleh Allah SWT bahawa kekafiran mereka kepada Allah SWT sehingga membawa kepada kematian mereka menyebabkan mereka tidak boleh sama sekali mendapat rahmat Allah SWT di alam akhirat. Pada hari kiamat hanya rahmat-Nya sahaja yang boleh menyelamatkan mereka daripada azab di Padang Mahsyar dan azab di dalam Neraka. Tanpa keimanan kepada-Nya, mereka terhalang sama sekali daripada mendapat rahmat ini. Hal ini yang dimaksudkan mereka berada dalam kerugian yang besar dan sebenar di alam akhirat.

Pengajaran ayat buat para Mukmin dan Muslim pula boleh disimpulkan seperti berikut:

- (1) Umat Islam dituntut untuk berfikir secara mendalam dan mengambil pengajaran daripada misal perumpamaan al-Quran agar mereka lebih percaya kepada al-Quran serta dapat meningkatkan keimanan mereka kepada Allah SWT.

- (2) Umat Islam dituntut untuk menambahkan pengetahuan mereka bagi meningkatkan kefahaman mereka terhadap ajaran al-Quran agar mereka dapat memahami dengan baik segala tamsilan dalam al-Quran untuk mereka beramal dengan kefahaman tersebut.
- (3) Umat Islam dituntut untuk tidak cemburu dengan kekayaan orang kafir di dunia disebabkan peruntukan dunia ini sememangnya diberikan lebih kepada orang kafir. Hal ini disebabkan harga dunia berbanding kenikmatan yang disediakan oleh Allah SWT kepada para Mukmin di alam akhirat adalah sama sekali tidak ada bandingan. Harga dunia tidak lebih daripada harga sebelah kepak nyamuk. Sedangkan nyamuk sebenarnya merupakan serangga yang kecil sahaja di dunia.
- (4) Setiap kebaikan yang dilakukan oleh para Mukmin dan Muslim bahkan setiap kemudaratan yang tertimpa ke atas mereka, mereka dianjari dengan pahala dan dihapuskan dosa mereka. Namun semua ganjaran yang dijanjikan oleh Allah SWT sebahagian besarnya akan dianjari di alam akhirat dan bukannya di dunia.
- (5) Umat Islam perlu memahami bahawa segala keimanan umat Islam terhadap Allah SWT, al-Quran, dan Rasulullah SAW, menghubungkan silaturahim, serta melaksanakan perintah-Nya, meninggalkan larangan-Nya merupakan satu bentuk pelaksanaan janji mereka di hadapan Allah SWT ketika di alam arwah. Hal ini menyebabkan mereka tidak tergolongan dalam kalangan orang yang fasiq.

Terbukti hasil yang berbeza diperoleh oleh golongan Mukmin dan golongan kafir terhadap misal perumpamaan yang diturunkan kepada kedua-dua golongan ini. Semoga umat Islam terus istiqamah dalam agama Islam dan semoga Allah SWT memberikan hidayah dan pertunjuk kepada orang kafir untuk beriman kepada-Nya. Wassalam.

RUJUKAN

- Al-Bukhari, Muhammad Ismail. 2001. *Al-Jami‘ al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanīhi wa Ayyamīhi – Sahib al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Mulla Ali al-Qari, ‘Ali. 2002. *Mirqat al-Mafatih Sharh Miskat al-Masabih*. Jld. 1-9. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Tabari, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami‘ al-Bayan fi Ta’wil al-Quran*. ‘Abdullah bin ‘Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hibr li al-Tiba‘ah wa al-Nasr wa al-Tawzi‘ wa al-I‘lan.
- Al-Tirmidhi, Muhammad ‘Isa. 1998. *Al-Jami‘ al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashar ‘Awad Ma‘ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A‘zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu‘ayb Al-Arnă’ut, ‘Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & ‘Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-‘Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Penentang Kemukjizatan al-Quran Tempah Neraka: Al-Baqarah (2: 23-25)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran. 30hb. Ogos 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Perumpamaan Indah Buat Sang Munafiq: Al-Baqarah (2: 17-20)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran. 9hb Ogos 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.